

Membawa MSC ke pentas dunia

BH-22/5/2007

Anggota IAP dipelawa bantu ICT Malaysia untuk lebih berdaya saing

Oleh Wan Hazmir Bakar

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan pertemuan seorang demi seorang dengan anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi membincangkan strategi memantapkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan mewujudkan ikon global dari Malaysia yang menjadi agenda utama Mesyuarat IAP ke-10, Sabtu lalu.

Selepas pertemuan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) itu selain di Cyberjaya, Perdana Menteri kelihatan lega selepas maklum balas dan pandangan yang diterima daripada 28 anggota dan wakil IAP adalah positif.

Matlamat untuk melonjakkan MSC Malaysia yang sudah berusia lebih 10 tahun dan melahirkan ikon teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara di persada antarabangsa kelihatan semakin boleh dicapai walaupun dalam suasana persaingan global yang semakin sengit.

"Perdana Menteri gembira dengan maklumat dan ulasan positif daripada anggota panel terbabit," kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, menyimpulkan hasil mesyuarat selama tiga hari itu kepada pemberita selepas Abdullah meninggalkan PICC.

Beliau dipertanggungjawab menyelia pembangunan ICT negara yang menjadi sandaran pencapaian Misi Nasional, turut menghela nafas lega kerana perjalanan mesyuarat IAP kali ini lancar dan mencapai matlamat, walaupun sebelum ini ada pihak menyifatkan mesyuarat tahunan itu sudah hilang daya tarikan dan tidak relevan lagi.

Kejayaan mesyuarat itu dan komitmen anggota IAP membantu kerajaan menajayakan pembangunan MSC Malaysia jelas diperlihatkan pada sidang media Perdana Menteri bersama anggota panel itu pada akhir sesi mesyuarat utama pada hari kedua, Jumaat lalu. Keakraban Abdullah dengan anggota IAP lain yang digelar beliau sebagai 'sahabat Malaysia' jelas kelihatan.

Ketika memberi rumusan ringkas hasil mesyuarat dan menjawab soalan wartawan, Abdullah dengan mesra memanggil nama beberapa anggota IAP meminta mereka memberi penjelasan seperti dinyatakan ketika sesi mesyuarat tertutup itu. Abdullah turut memetik jenaka yang mereka kongsi bersama, termasuk bersama timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, ketika perbincangan itu.

Satu keputusan penting yang diumumkan Perdana Menteri pada petang itu ialah anggota IAP dijemput menjadi penasihat kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta dan universiti tempatan jika kepakaran yang mereka miliki bersesuaian keperluan syarikat dan institusi berkenaan.

Malah, syarikat dan institusi terbabit

juga boleh melantik anggota IAP menjadi ahli lembaga pengarah atau pengarah bebas jika kepakaran mereka memang diperlukan. Keputusan yang pertama kali diambil dalam sejarah MSC Malaysia itu bertujuan memberi peluang kepada anggota IAP memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan ICT negara.

"Kita memberi peluang kepada mereka untuk lebih aktif di Malaysia, bukan sekadar menyertai mesyuarat sekali setahun," kata Abdullah yang menyifatkan mesyuarat IAP kali ini sebagai yang terbaik sejak mesyuarat sulung di Stanford University, California, Amerika Syarikat pada 16 Januari, 1997.

Mesyuarat kali ini memberi penekanan kepada keperluan melaksanakan segala cadangan dan keputusan mesyuarat lalu bagi memperkukuhkan kedudukan negara dalam bidang ICT dan Abdullah memberi jaminan segala keputusan itu akan dilaksanakan, manakala kerehnan birokrasi akan ditangani menerusi usaha mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang sedang dijalankan.

"Kreativiti bencikan birokrasi dan kita faham apa maksudnya. Apa saja perkhidmatan yang diperlukan sektor swasta seperti kelulusan lesen, tanah dan pembangunan hartanah, kita tentunya perlu dipercepatkan. Kita mengambil masa terlalu lama dan orang tidak ada masa untuk menunggu," katanya.

Bertemakan, 'Membawa MSC Malaysia Ke Peringkat Global: Membangunkan Prasarana Ilmu & Mencipta Bakat', mesyuarat IAP kali ini memberi tumpuan kepada strategi menjangkau kejayaan MSC Malaysia dan menampilkan syarikat ICT ke pasaran global dengan harapan mewujudkan ikon ICT dari Malaysia.

Abdullah, ketika berucap pada perasmian sesi mesyuarat utama Jumaat lalu, berkata pencapaian MSC Malaysia perlu terus dilonjak menerusi usaha penjenamaan dan pemasaran lebih efektif dalam suasana pasaran global yang semakin sesak.

Malah, transformasi negara perlu dipercepatkan lagi, manakala jenama MSC Malaysia, syarikat, produk dan penyelesaian yang dibangunkan syarikat tempatan perlu dibawa ke pasaran global.

Malaysia, tegas Perdana Menteri, menasaskan sekurang-kurangnya 20 syarikat ICT tempatan menjadi organisasi yang diiktiraf pada peringkat global selain mewujudkan sejumlah 100,000 pekerjaan bernilai tinggi dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Negara juga mahu melahirkan sejumlah usahawan tekno menerusi penubuhan syarikat dalam sektor perusahan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan ICT.

Kurikulum baru kejuruteraan perisian yang dibangunkan Multimedia Develop-

ment Corporation (MDEC) bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan Infosys Technologies Limited juga akan diperkenalkan di institusi pengajian tinggi tempatan mulai sesi pengajian Julai ini bagi melahirkan lebih ramai tenaga profesional ICT bertaraf dunia.

Menyimpul ringkas kejayaan MSC Malaysia, Abdullah berkata, MSC Malaysia kini menjadi model negara membangun untuk menggerakkan ekonomi berteraskan pengetahuan serta menjadi destinasi pelaburan menarik dan beberapa negara berkenaan sudah meminta bantuan Malaysia untuk melaksanakan inisiatif sama.

"Ketika kita berbangga dengan pencapaian MSC Malaysia selama ini, kita sedar tahun untuk pembangunan sudah berlalu. Kita perlu mara dengan lebih yakin dan pantas. Kita perlu jelas akan kedudukan, fokus, kelebihan dan kekuatan kita," katanya.

Sempena Mesyuarat IAP ke-10 itu, Perdana Menteri menyampaikan skrol status Meru Raya, Perak, sebagai Pusat Siber MSC Malaysia kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali. MSC Malaysia Cybercentre @ Meru Raya akan dilancarkan menjelang suku ketiga tahun ini.

Abdullah turut melancarkan peraduan reka bentuk kandungan digital berasaskan karektor cerita rakyat seperti Hang Tuah, Mahsuri, Laksamana Bentan, Puteri Santubong, Pak Pandir dan Sang Luncai, bagi mencungkil bakat tempatan dalam industri kandungan ICT.

MDEC pula memeterai perjanjian dengan Al Jazeera Children's Channel (JCC) bagi produksi bersama dan pemasaran glo-

bal siri animasi *Saladin* sebanyak 26 episod bernilai lebih RM10 juta. MDEC dan British Telecom juga melancarkan insentif baru kepada pembangunan aplikasi dan perkhidmatan jalur lebar.

Bagi anggota IAP, MSC Malaysia terus mengagumkan walaupun sudah berusia lebih 10 tahun dan berpendapat negara majmuk seperti Malaysia memiliki kelebihan dan kekuatan untuk bersaing pada peringkat dunia. MSC Malaysia terus menjadi pilihan peneraju industri ICT dunia.

Namun, syarikat ICT Malaysia perlu memikirkan strategi yang mampu menajayakan kejayaan sebelum terjun ke pentas ICT global. Menjadi syarikat global tidak bermakna berada di serata dunia secara sekali gus, sebaliknya memiliki produk bagi memenuhi permintaan banyak pasaran, termasuk yang belum diteroka.

Pengerusi Cyber Century Forum, Diana Lady Dougan, berkata syarikat ICT Malaysia perlu mengenal pasti pasaran yang ingin diterokai dan merangka strategi tepat kerana keupayaan menguasai pasaran tempatan adalah kelebihan yang bakal menajayakan kejayaan di pasaran global.

Pengarah Kumpulan Penyelidikan dan Penerokaan, British Telecoms (BT), Mike Carr, juga menegaskan syarikat ICT Malaysia perlu memilih pasaran terbaik untuk melancarkan produk ciptaan kerana 'menjadi global bukan bermakna berada di mana-mana' tetapi di pasaran terbaik.

Bagi Naib Provost New Initiatives, Institut Teknologi Illinois, Prof Dennis A Roberson, sikap terlalu bergantung kepada pasaran tempatan perlu dielak kerana ia boleh menghalang usaha menembusi pasaran antarabangsa dan syarikat ICT Malaysia perlu berusaha menjadi peneraju kepada teknologi jika mahu menguasai pasaran.

Pengasas dan Pengerusi BBWorld Consulting Services Sàrl, Dr Robert Bishop, berkata syarikat ICT Malaysia perlu memastikan teknologi yang dihasilkan itu memenuhi kehendak pasaran kerana kemampuan berbuat demikian bermakna mereka tidak perlu berada di serata dunia.

Justeru, Perdana Menteri sudah mengarahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan MDEC untuk terus berhubung dengan anggota IAP mengenai pembabitannya anggota IAP sepanjang tahun ini bagi melaksanakan cadangan dan keputusan mesyuarat kali ini.

Kerajaan juga akan mengkaji dan menstruktur semula inisiatif modal teroka sebagai langkah memantapkan pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia Capital Management Bhd (MAVCAP) dan Malaysia Debt Ventures Bhd akan diletakkan di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang kini mengendalikan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

FAKTA NOMBOR

MSC

RM11b

Perolehan dijana syarikat MSC sehingga akhir tahun lalu

RM3.2b

Nilai eksport

100

Syarikat bertapak di MSC